

17 APR 1998

## PERANAN SPEKULATOR MATAWANG KECIL, KATA LAPORAN IMF

Oleh: Salmi Hashim

WASHINGTON, 17 April (Bernama) -- Spekulator-spekulator matawang bukanlah peserta utama dan dengan itu tidak bertanggung jawab bagi krisis kewangan Asia yang menyebabkan kejatuhan pasaran saham dan matawang rantau itu, kata laporan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) mengenai dana-dana lindung nilai yang dikeluarkan di sini Khamis.

Barry Eichengreen, salah seorang daripada penulis laporan itu dan anggota pasukan penyelidikan IMF, berkata dalam kes Malaysia, kelihatan bahawa hanya beberapa dana lindung nilai mengambil bahagian sederhana ke atas Ringgit Malaysia.

Tidak ada spekulator kelihatan telah "menunggang" ringgit untuk sebarang jajaran besar kejatuhannya daripada 2.5 hingga 3.5 setiap dolar AS. Menggambarkan pegangan mereka ekuiti-ekuiti Malaysia, banyak dana lindung nilai menanggung kerugian daripada penurunan nilai ringgit, katanya.

Tekanan awal ke atas ringgit kelihaatan telah wujud daripada pelabur-pelabur berinstitusi yang menutup pegangan ekuiti jangka panjang, yang mencerminkan kebimbangan mereka bahawa pasaran saham telah terlebih nilai, tidak sebaliknya peningkatan pegangan jangka pendek spekulatif yang mencerminkan kebimbangan terhadap kemampuan hutang luaran dan keadaan sistem perbankan, katanya.

Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, yang bimbang terhadap dagangan spekulatif, telah menggesa IMF menjalankan kajian mengenai peranan dana-dana lindung nilai di dalam krisis Asia pada mesyuarat tahunan Bank Dunia/IMF di Hong Kong September lalu.

Eichengreen, pada satu persidangan akhbar untuk mengumumkan laporan itu, berkata kajian itu dijalankan semasa Musim Gugur dan Musim Sejuk (di antara September dan Disember) 1997 di mana kakitangan IMF menemui pegawai-pegawai kerajaan, pengawal selia dan pengurus-pengurus dana di New York, London, Hong Kong dan Kuala Lumpur.

Katanya kurang daripada 100 pelabur dana lindung nilai di seluruh dunia. "Tangkas dan cepat bingkas," mereka sering diatur sebagai perkongsian persendirian dan pemastautin luar pesisir bagi tujuan cukai dan pengawal seliaan.

Status undang-undang mereka tidak begitu menyekat ke atas portfolio dan urusniaga mereka, membiarkan pengurus-pengurus mereka bebas menggunakan jualan singkat, sekuriti derivatif dan sokongan untuk meningkatkan pulangan dan menyekat risiko.

Sementara dana lindung nilai adalah besar daripada segi hakiki, ia kecil dibandingkan dengan pelabur-pelabur berinstitusi (bank, tabung pencen, tabung amanah) yang sesetengahnya terbabit dalam aktiviti yang sama seperti dana-dana lindung nilai.

Eichengreen berkata, ini bertentangan dengan kesimpulan bahawa dana lindung nilai memainkan peranan tunggal dalam membangkitkan krisis.

Dana-dana lindung nilai memang mempunyai pegangan besar terhadap baht Thai pada pertengahan 1997, tetapi begitu juga pelabur-pelabur lain, dan kebanyakan dana lindung nilai agak lewat mengambil pegangan itu. "Mereka terkebelakang bukan di depan kumpulan kewangan itu," katanya.

Dan terdapat bukti yang amat kecil yang dana-dana lindung nilai mempunyai pegangan yang sama besare berbanding matawang-matawang Asia lain. "Ini menggambarkan hakikat bahawa banyak pengurns dana lindung nilai, seperti peserta pasaran lain, terkejut oleh kelajuan dan penularan

jangkitan Asia itu."

Eichengreen berkata jualan hadapan dana lindung nilai baht Thai adalah tidak mungkin dianggarkan dengan tepat. Daripada akaun hadapan AS\$28 bilion Bank of Thailand pada akhir JULai 1997, AS\$7 bilion disangka oleh peniaga-peniaga pasaran mewakili urusan yang diambil langsung dengan dana-dana lindung nilai.

Laporan itu menyarankan supaya pasaran-pasaran lain mencontohi mekanisma laporan perdagangan dan pegangan yang besar seperti Amerika Syarikat, untuk menjadikan operasi dana lindung nilai lebih telus, menaikkan syarat-syarat margin dan cangaran, dan menyekat keupayaan institusi-institusi kewangan memberi pinjaman aset-aset tempatan kepada bukan pemastautin. -- BERNAMA

SH MR OS